

KRITERIA AKNC 2017

Berdasarkan Kriteria Pendidikan Malcolm Baldrige 2011

Profil Jabatan hendaklah ditulis terlebih dahulu.

a) merupakan titik permulaan yang sangat sesuai untuk tujuan penilaian sendiri;

b) membantu sesebuah jabatan dalam mengenal pasti jurang yang mungkin terdapat pada maklumat utama dan memberi fokus kepada keperluan prestasi dan hasil;

c) digunakan oleh panel penilai dan hakim dalam semakan permohonan termasuklah semasa lawatan tapak serta membantu mereka memahami jabatan anda dan apa yang dianggap penting oleh jabatan anda (sesebuah jabatan akan dinilai berdasarkan kepada keperluan Kriteria dengan mengambil kira persekitaran jabatan, pertalian hubungan, pengaruh serta cabaran jabatan seperti yang dicatatkan dalam Profil Jabatan); dan

d) juga boleh digunakan pada peringkat awal untuk penilaian sendiri. Sekiranya terdapat topik/kriteria yang mempunyai sedikit atau tiada maklumat, atau maklumat yang bercanggah, kemungkinan besar Profil jabatan boleh digunakan untuk penilaian yang lengkap, dan anda boleh gunakan topik-topik berkenaan untuk merancang tindakan seterusnya.

Profil Jabatan : Persekitaran, Pertalian Hubungan dan Tahap Kedudukan Strategik

Profil Jabatan merupakan gambaran ringkas yang menceritakan tentang pengaruh utama yang menentukan cara operasi serta cabaran utama yang dihadapi oleh jabatan anda.

P.1 HURAIAN JABATAN: Apakah ciri-ciri utama jabatan anda?

Huraikan persekitaran dalam mana jabatan anda beroperasi dan pertalian hubungan utama dengan pelajar, pihak berkepentingan, pembekal dan rakan kongsi.

RESPON yang diberikan hendaklah menjawab kepada soalan-soalan berikut:

a. Persekitaran Jabatan

(1). Program Pendidikan dan Perkhidmatan

Apakah program pendidikan dan perkhidmatan utama jabatan anda?

Apakah kepentingan relatif setiap program dan perkhidmatan kepada kejayaan jabatan anda?

Apakah mekanisma yang digunakan untuk menyampaikan program pendidikan dan perkhidmatan utama?

(2). Visi dan Misi UiTM

Apakah ciri-ciri istimewa budaya jabatan anda?

Apakah tujuan, visi, nilai-nilai dan misi jabatan anda?

Apakah kompetensi teras dan kaitannya dengan misi jabatan anda?

(3). Profil Sumber Manusia

Apakah profil tenaga kerja jabatan anda?

Apakah kumpulan dan segmen tenaga kerja jabatan anda?

Apakah tahap pendidikan mereka?

Apakah faktor utama yang memotivasikan mereka untuk melibatkan diri dan komited terhadap pencapaian misi dan visi jabatan?

Apakah kepelbagaian kerja, ganjaran, faedah utama serta keperluan khusus kesihatan dan keselamatan untuk tenaga kerja jabatan anda?

(4). Aset

Apakah kemudahan, teknologi dan peralatan utama jabatan anda?

(5). Keperluan Perundangan

Apakah persekitaran perundangan dan peraturan dalam mana jabatan anda beroperasi?

Apakah peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan; keperluan akreditasi, pensijilan atau pendaftaran; piawai pendidikan; peraturan persekitaran dan kewangan serta peraturan program pendidikan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan jabatan anda?

b. Pertalian Hubungan Jabatan

(1). Struktur Jabatan

Apakah struktur dan sistem governan jabatan anda?

Apakah pertalian hubungan pelaporan di antara lembaga governan, kepimpinan kanan dan jabatan induk, di mana berkaitan?

(2). Pelanggan

Apakah segmen pasaran, kumpulan pelajar dan pihak berkepentingan, di mana berkaitan?

Apakah keperluan dan pengharapan utama mereka terhadap program pendidikan dan perkhidmatan, perkhidmatan sokongan pelajar dan pihak berkepentingan serta operasi yang terdapat di jabatan anda?
Apakah perbezaan-perbezaan keperluan dan pengharapan yang terdapat di antara segmen pasaran, kumpulan pelajar dan kumpulan pihak berkepentingan?
(3). Pembekal dan Rakan Kongsi
Apakah jenis utama pembekal, rakan kongsi dan rakan usaha sama?
Apakah peranan yang dimainkan oleh pembekal, rakan kongsi, dan rakan usaha sama dalam penghasilan dan penyampaian program pendidikan dan perkhidmatan, serta perkhidmatan sokongan kepada pelajar dan pihak berkepentingan jabatan anda?
Apakah mekanisme utama untuk berkomunikasi dengan pembekal, rakan kongsi dan rakan usaha sama?
Apakah peranan pembekal, rakan kongsi dan rakan usaha sama, jika ada, dalam melaksanakan inovasi di jabatan anda?
Apakah keperluan-keperluan jabatan anda terhadap pembekal rangkaian utama?
P.2 TAHAP KEDUDUKAN JABATAN :
Apakah tahap kedudukan strategik jabatan anda?
Huraikan persekitaran persaingan, cabaran-cabaran strategik utama dan kelebihan-kelebihan, serta sistem penambahbaikan prestasi bagi jabatan anda.
Respon yang diberikan hendaklah menjawab kepada soalan-soalan berikut:
a. Persekitaran Persaingan
(1). Kedudukan Kompetitif
Apakah kedudukan jabatan anda di kalangan pesaing?
Apakah saiz dan perkembangan relatif jabatan anda dalam sektor pendidikan atau pasaran yang jabatan anda terlibat dengan?
Apakah bilangan dan jenis pesaing utama bagi jabatan anda?
(2). Perubahan yang Mempengaruhi Kedudukan Kompetitif Jabatan
Apakah perubahan-perubahan utama yang mempengaruhi kedudukan kompetitif jabatan anda, termasuklah peluang-peluang untuk inovasi dan kolaborasi di mana berkaitan?

(3). Data Perbandingan

Apakah sumber utama yang digunakan oleh jabatan anda untuk memperolehi data perbandingan dan persaingan di kalangan sektor pendidikan?

Apakah sumber utama yang digunakan oleh jabatan anda untuk memperolehi data perbandingan dan persaingan dari luar sektor pendidikan?

Apakah batasan (jika ada) yang mempengaruhi keupayaan jabatan anda untuk memperolehi data data berkenaan?

b. Konteks Strategik

Apakah cabaran strategik dan kelebihan utama yang dihadapi oleh jabatan anda berkaitan dengan program pendidikan dan perkhidmatan, operasi, tanggungjawab kemasyarakatan dan sumber manusia?

c. Sistem Penambahbaikan Prestasi

Apakah elemen-elemen utama pada sistem penambahbaikan prestasi, termasuklah kaedah penilaian, pembelajaran jabatan, dan proses-proses inovasi yang terdapat di jabatan anda?

KRITERIA AKNC 2017

1. KEPIMPINAN (120 markah)

Nyatakan bagaimana Kepimpinan Kanan mengerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan.

Nyatakan apakah pelan pemantauan kepimpinan untuk memastikan kejayaan dan mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif.

Aspek yang boleh dilaporkan : Perancangan yang sistematik, pelaksanaan yang meluas, inovasi dan pengurusan risiko.

NOTA:

Penjelasan haruslah menekankan kepada menerangkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Penilaian adalah berdasarkan kepada elemen ADLI.

Disertakan rubrik penilaian laporan sebagai rujukan.

KRITERIA AKNC 2017

2. PERANCANGAN STRATEGIK (85 markah)

Nyatakan apakah objektif strategik dan inisiatif strategik dari perancangan strategik jabatan (2016-2020) yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan bidang tumpuan yang dikenalpasti.

Nyatakan bagaimana objektif dan inisiatif strategik ini menyokong Rancangan Malaysia Kesebelas UiTM (2016-2020).

Nyatakan apakah pelan pemantauan yang digunakan untuk memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan.

Nyatakan bagaimana jabatan melibatkan semua kumpulan sasar dalam proses perancangan penambahbaikan.

Nyatakan apakah risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik ini.

Nyatakan apakah perancangan untuk mengatasi risiko tersebut.

Nyatakan jika ada inovasi yang terhasil dari pelaksanaan atau penambahbaikan perancangan strategik.

NOTA:

Penjelasan haruslah menekan kepada menerangkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Penilaian adalah berdasarkan kepada elemen ADLI.

Disertakan rubrik penilaian laporan sebagai rujukan.

KRITERIA AKNC 2017

3. TUMPUAN KEPADA PELANGGAN (85 markah)

Nyatakan siapakah kumpulan sasaran bagi bidang tumpuan ini dan bagaimana mereka dikenalpasti.

Nyatakan apakah kebaikan/ganjaran yang akan didapati oleh mereka dari pelaksanaan bidang tumpuan ini.

Nyatakan bagaimana pengurusan menentukan keperluan kumpulan sasaran ini berdasarkan bidang tumpuan.

Nyatakan bagaimana pengurusan melibatkan kumpulan sasaran dalam pelaksanaan bidang tumpuan ini.

Nyatakan bagaimana pengurusan bertindak kepada maklumbalas pelanggan.

Nyatakan keberkesanan tindakan tersebut serta nyatakan jika ada inovasi terhasil dari usaha tersebut.

NOTA:

Penjelasan haruslah menekankan kepada menerangkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Penilaian adalah berdasarkan kepada elemen ADLI.

Disertakan rubrik penilaian laporan sebagai rujukan.

KRITERIA AKNC 2017

4. PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (90 markah)

Nyatakan apakah item ukuran yang digunakan untuk mengukur pencapaian bidang tumpuan.

Nyatakan apakah data-data yang digunakan untuk membuat penilaian, kekerapan data dikumpulkan dan dianalisa.

Nyatakan bagaimana hasil penganalisan data digunakan untuk penambahbaikan prestasi jabatan dengan perkongsian maklumat, penambahbaikan berterusan dan inovasi.

NOTA:

Penjelasan haruslah menekan kepada menerangkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambaaikan. Penilaian adalah berdasarkan kepada elemen ADLI.

Disertakan rubrik penilaian laporan sebagai rujukan.

KRITERIA AKNC 2017

5. TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA (85 markah)

Nyatakan bagaimana pengurusan melibatkan sumber manusia untuk menjayakan bidang tumpuan.

Nyatakan bagaimana pengurusan mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan.

Nyatakan apakah tahap kepuasan hati dan keluhan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja sekarang.

Nyatakan tindakan yang diambil bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif.

Nyatakan jika inovasi terhasil tindakan yang dinyatakan di atas.

Nyatakan bagaimana pengurusan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia

Nyatakan bagaimana pengurusan bertindak kepada maklumbalas sumber manusia.

NOTA:

Penjelasan haruslah menekan kepada menerangkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Penilaian adalah berdasarkan kepada elemen ADLI.

Disertakan rubrik penilaian laporan sebagai rujukan.

KRITERIA AKNC 2017

6. TUMPUAN KEPADA OPERASI (85 marks)

Nyatakan apakah proses-proses utama yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan.

Nyatakan bagaimana model PDCA atau mana-mana model lain yang digunakan dalam proses-proses utama tersebut untuk penambahbaikan berterusan dan inovasi.

NOTA:

Penjelasan haruslah menekankan kepada menerangkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Penilaian adalah berdasarkan kepada elemen ADLI.

Disertakan rubrics penilaian laporan sebagai rujukan.

KRITERIA AKNC 2017

7. HASIL (450 markah)

Hasil yang dilaporkan haruslah menunjukkan maklumat utama yang diperlukan untuk analisa dan semakan prestasi atau pencapaian bidang tumpuan.

7.1 Hasil dari Pelaksanaan Strategi (90 markah)

Hasil pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik

Hasil penilaian risiko

7.2 Hasil dari Proses (90 markah)

Pencapaian prestasi proses

Keberkesanan operasi proses

7.3 Hasil dari Tumpuan Pelanggan (90 markah)

Keberkesanan penglibatan Pelanggan

Kepuasan hati

7.4 Hasil dari Tumpuan Sumber Manusia (90 markah)

Keberkesanan penglibatan sumber manusia

Kepuasan hati

7.5 Hasil dari Prestasi Kewangan (90 markah)

Keberkesanan Kos

Pulangan Pelaburan (ROI)

Penjanaan Pendapatan

NOTA:

Semua data dan maklumat yang disampaikan haruslah jelas, tepat dan mudah difahami. Penilaian adalah berdasarkan kepada elemen LeTCI.

Disertakan rubrik penilaian laporan sebagai rujukan.